

**SOALAN NO: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[BANDAR KUCHING]**  
**TARIKH : 8 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 34**

**YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan hospital Petrajaya di Kuching. Apakah sebab kelambatan penyiapan projek tersebut dan adakah kelambatan itu menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak terutamanya projek Hospital Petrajaya.

Untuk makluman, Projek Hospital Petrajaya (300 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

67  
(UPE, JPM) dengan anggaran kos RM500 juta. Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Kos Projek : RM500,000,000.00  
Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina  
Kaedah Perolehan : Rundingan Terus  
Kontraktor : Zecon Berhad  
Tarikh Milik Tapak : 30 Mei 2013  
Tarikh Siap Semasa : 30 Jun 2018  
Kemajuan Projek : Jadual: 29.15 %  
(sehingga September 2017) Sebenar: 27.55 % (Lewat 410 hari)

Sebab-sebab Kelewatan Projek : 1) Masalah kekurangan pekerja di tapak masih berlanjutan sehingga kini.  
2) Kontraktor masih perlu membawa lebih ramai pekerja dari China untuk meningkatkan kemajuan kerja seni bina. Kontraktor masih belum menambah kumpulan kedua pekerja dari China yang dijanjikan dalam bulan Julai 2017.  
3) Kontraktor perlu menambah lebih ramai pekerja untuk kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E), Sivil dan Struktur.

Tindakan yang telah Diambil oleh pihak JKR : 1) Mengeluarkan surat amaran mengenai kemajuan kerja.  
2) Memantau pelan kerja pemulihan

kontraktor.

- 3) Pengarah Projek telah mengeluarkan Notis untuk mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*) pada kadar RM89,506.85/sehari pada 25 Mei 2017.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.